Umno kaji wujud kod etika pemilihan

BH 21/6/03

KUALA LUMPUR: Umno sedang mengkaji cara terbaik untuk mewujudkan kod etika bagi memperketatkan lagi pemilihan dalam parti tahun depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita sedang fikir mengenai cara nak adakan etika, tapi etika saja kalau tak patuh pun tak guna juga. Kena ada cara-cara tertentu," katanya kepada pemberita pada akhir Perhimpunan Agung Umno ke-54, petang semalam.

Presiden Umno diminta mengulas cadangan Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin supaya Umno mengkaji semula etika pemilihan bagi memastikan pertandingan parti tahun depan tidak menyebabkan perpecahan teruk seperti 1997.

Mengenai kemungkinan Umno meminda perlembagaan untuk memastikan sesiapa yang dilantik sebagai timbalan perdana menteri tidak akan dicabar bagi mengisi jawatan Timbalan Presiden Umno, beliau berkata ia tidak perlu kerana memadai dengan tradisi yang ada tanpa perlu dijadikan satu undang-undang.

Katanya, tradisi dalam parti meskipun kadang kala dilanggar, ia akhirnya mesti diikut tanpa perlu untuk merangka peraturan khusus seperti meminda perlembagaan parti.

Ditanya sama ada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ada membincangkan dengannya mengenai calon untuk jawatan timbalan perdana menteri yang akan diumumkan November ini oleh timbalannya itu, Dr Mahathir secara berjenaka berkata:

"Apa yang you tanya lagi, November saya dah berhenti dah, saya berhenti hujung Oktober... Bisik pun tak ada, kita tak payah bisik, kita duduk dekat aja, cakap aja, dia dengar."

Beliau juga menolak kemungkinan Umno meminda perlembagaan bagi mengehadkan tempoh pemegang jawatan tertinggi dalam parti.

"Perpaduan kita bukan berasas kepada undang-undang semata-mata, tetapi etika. Etika kita. Saya percaya bahawa etika Umno memadai untuk menentukan sama ada presiden boleh lama atau tidak. Kalau pendek sangat, saya tak ada peluang naik, mujurlah saya.

"Adakah anda tidak suka timbalan saya... anda nak pendekkan (tempoh). Bayangkan betapa saya tidak dapat melakukan banyak benda, semata-mata ia (tempoh) dipendekkan," katanya.

Mengenai kenyataan bekas Timbalan Presiden Umno, Tun Ghafar Baba bahawa jawatan nombor dua dalam parti patut dipertandingkan, beliau berkata:

"Yang sebenarnya proses dalam Umno yang dilalui oleh saya ialah apabila Tun Hussein (Onn) menjadi Perdana Menteri, dia fantik saya sebagai timbalan perdana menteri, tetapi bukan timbalan presiden parti.

"Timbalan presiden parti tidak diisi sehingga ada pemilihan. Jadi kedudukan saya (ketika itu) ialah sebagai pemangku saja.

"Ya... (pandangan Ghafar) tak ada beza. Bila nak *confirm*, mungkin ada cabaran tapi bagi saya dulu tak ada cabaran, mudahlah sikit."

Mengenai saranan supaya jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang diberi kepada orang Melayu, beliau berkata ia bukan soal kaum, tetapi soal bagaimana hendak menguruskan kerja.

"Kita bagi kepada orang Melayu di Kelantan tak terbela juga. Bukan soal orang itu, soal macam mana kita urus kerja-kerja kita. Saya pun fikir tak jadi masalah. Kita boleh fikir macam mana nak menjaga nasib orang Melayu di Pulau Pinang," katanya.